

24 JUL 1997

Mahathir-Ekonomi

ADA USAHA TERANCANG UNTUK ROSAKKAN EKONOMI ASEAN, KATA MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 24 Julai (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata terdapat usaha yang dirancang dengan licin untuk merosakkan ekonomi negara-negara Asean dengan menjadikan mata wang mereka tidak stabil.

"Asas ekonomi kita adalah kukuh, tetapi mana-mana pihak yang mempunyai beberapa bilion dollar nampaknya boleh merosakkan semua kemajuan yang telah kita buat," kata Perdana Menteri.

Ketika berucap merasmikan Mesyuarat Menteri Asean (AMM) ke-30 di sini, Dr Mahathir berkata negara-negara Asean perlu memahami kedudukan mereka dalam apa yang dinamakan dunia tanpa sempadan, era maklumat, pasaran terbuka dan masyarakat terbuka.

Katanya, negara-negara itu diberitahu bahawa mereka mestilah membuka pintu mereka, bahawa perdagangan mestilah bebas sepenuhnya, tetapi, tanya beliau: "Bebas untuk siapa?"

"Untuk penyangak yang membuat spekulasi jahat. Untuk pengacau yang mahu merosakkan negara yang lemah dalam usaha habis-habisan mereka mewujudkan masyarakat terbuka, untuk memaksa kita menyerah kepada tindakan kediktatoran pakar manipulasi antarabangsa," katanya.

"Kita juga ingin percaya kepada konsep ketiadaan sempadan itu tetapi kita masih perlu melindungi diri kita daripada penyangak yang bergiat untuk kepentingan diri sendiri dan penyamun antarabangsa."

Dr Mahathir berkata negara-negara itu sudahpun melihat syarikat-syarikat gergasi menelan perniagaan di dunia sedang membangun, memonopoli sektor perkhidmatan melalui syarikat-syarikat perkapalan, penerbangan dan insurans yang besar-besar dan bank-bank.

Media cetak dan media elektronik, kini dikawal oleh mereka di seluruh dunia dan "kita tidak diberikan kebebasan akhbar oleh mereka yang menggembar-gemburkan tentang kebebasan akhbar itu sendiri," katanya.

Hanya berita buruk mengenai mereka diterbitkan manakala yang baik terperap dalam arkib, kata beliau.

"Kita bimbang, sememangnya kita harus bimbang tentang dunia tanpa sempadan dalam Era Maklumat dan pasaran bebas ini," katanya.

Bagaimanapun, kata beliau sementara mereka tidak menolaknya mentah-mentah, mereka seharusnya tahu di mana kedudukan mereka.

Dr Mahathir berkata mereka seharusnya tahu bagaimana hendak menangani masalah yang akan timbul ekoran pengwujudan blok-blok serantau yang kuat.

"Dan lapan daripada negara yang paling kuat telah memutuskan yang mereka, dan mereka sahajalah, seharusnya menentukan nasib setiap negara.

"Apabila mereka bersetuju tentang sesuatu, umpamanya penilaian semula Yen, kita yang terpaksa menanggung akibatnya. Dan apabila mereka bergaduh, kita yang tersepit," katanya.

Dr Mahathir juga berkata jika bertindak secara bersendirian, tidak ada negara Asia Tenggara yang dapat melindungi diri mereka.

"Tetapi sembilan negara Asean dengan setengah bilion orang mungkin dapat melakukan sesuatu untuk menolong diri kita sendiri," katanya.

Dengan menarik perhatian kepada Persidangan Kemuncak Asean dengan China, Jepun dan Korea Selatan yang dijadualkan pada Disember, beliau berkata Asean akan memperolehi peluang untuk mengemukakan pendapatnya mengenai pelbagai isu antarabangsa dengan mereka, memandangkan ekonomi mereka berkait rapat dengan Asean, dan apa yang melibatkan Asean akan juga melibatkan mereka.

"Kita mengutuk pengwudan blok perdagangan, sebaliknya kita perlu seberapa banyak negara yang boleh untuk memahami masalah kita.

"Kita mungkin bergerak ke arah dunia tanpa sempadan, tetapi kita juga melihat adanya sikap eksklusiviti yang lebih meluas di kalangan negara kaya. Pada masa inilah, kita perlu mendapatkan kawan, walaupun di kalangan kumpulan eksklusif itu," kata beliau.

Dr Mahathir juga berkata pertahanan Asean ialah kestabilan dan kekuatan ekonomi di samping kesediaan mereka untuk bersatu.

"Kemakmuran ekonomi adalah jawapan sebenar kepada masalah keselamatan kita kerana dengan adanya kemakmuran Asean akan diberi perhatian dan pendapatnya dihormati," katanya. Kekuatan ketenteraan mungkin menimbulkan kebimbangan yang akan membawa kepada perlumbaan senjata yang hanya akan memberi faedah kepada pembuat dan peniaga senjata.

Dr Mahathir berkata di rantau Asean, mereka percaya kepada prinsip "makmurkan jiran anda" kerana jiran yang makmur menjadi rakan perdagangan yang baik dan kurang mendatangkan masalah.

"Masalah jiran yang miskin selalunya melimpah ke luar sempadan. Kerana alasan inilah kita menolak dasar menjadikan jiran miskin," katanya.

Beliau berkata beliau percaya terdapat formula Asean untuk mencapai kejayaan, kalau tidak bagaimana dapat kita huraikan mengapa setiap negara Asean telah menunjukkan pertumbuhan ekonomi yang pesat dan kestabilan politik?

Dalam hubungan ini, katanya, mereka mesti membantu anggota yang baru -- Laos dan Myanmar -- kerana negara itu tentu memerlukan bantuan untuk dapat seimbang dengan negara yang lebih dahulu menjadi anggota. -- BERNAMA

KGO NMO